PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Dear Customer,
This Product Disclosure Sheet (PDS) provides you with key information on your **ATLAS Credit Card-i**.
Other customers have read this PDS and found it helpful, **you should read it too**.

EN BM

Date: _____

WHAT IS ATLAS CREDIT CARD-i?

ATLAS Credit Card-i ("the Card"), is a Shariah compliant payment instrument offered under ATLAS Platform by Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB). The Card is available in both physical and virtual forms and allows you to make payments for goods and/or services at the participating retail and service outlets with the transaction amount deducted directly from your Card's line of credit. The Card also enables cash withdrawal at both local and foreign ATM's subject to the prescribed limit and terms set by the Bank.

The product is structured under the concept of *Tawarruq* which is supported by other Shariah contracts including *Murabahah*, *Wakalah* and binding promise under the concept of Wa'd Mulzim.

Under the *Wakalah* contract, the Customer appoints Bank Muamalat Malaysia Berhad (the "Bank") as a dual agent to purchase and sell Shariah-compliant commodities ("Commodity") at a specified time on behalf of the Customer. The Bank will purchase the Commodity from a supplier at a Purchase Price, and thereafter sell the Commodity to the Customer at a Selling Price on a Murabahah (cost-plus) basis, to be paid on a deferred basis.

The Customer will then sell the Commodity (via the Bank acting as agent) to a third party on a cash basis. The cash proceeds will represent the credit limit or financing amount made available to the Customer under the Card facility.

The *Tawarruq* transactions are conducted prior to the disbursement of the financing amount. The Customer may request to take possession and delivery of the purchased Commodity, in which case all related costs and expenses shall be borne solely by the Customer. In the event that the Customer take the commodity, the Customer will not get the financing amount/credit card.

KNOW YOUR OBLIGATIONS

Minimum monthly payment:

a) Minimum monthly payment is **5%** of the statement balance plus any fixed instalment***** amount or RM 50, whichever is higher.
******Fixed instalments such as Balance Transfer Plan, Instalment Payment Plan, InstaCash Plans, or any other plans subject to availability.* Customers may refer to the respective payment plan PDS for further details.
b) Any overdue Minimum payments.
c) Payments can be made via Online Instant Transfer or Cash Deposit Machine (CDM)
d) Grace Period: The Customer is granted a 20 + 4 days grace period on Retail Transactions only, provided that all outstanding balance as per the previous month statement is fully settled. The grace period commences from the point of statement issuance. Any amount settled within the grace period is subject to full rebate (Ibra`) by the Bank. No grace period is granted for Cash Withdrawals.
e) The principal cardholder shall be ultimately liable for all transactions incurred by the supplementary cardholders, if any.

It is your responsibilities to:

Read and understand the **key terms** in the **contract** before you sign it.

Pay at least the **minimum monthly payment amount** by the due date.

Contact us immediately, after having discovered the loss or unauthorized use of your card.

Fees & Charges*	Amount
Annual Fee	**Visa Platinum** • Principal : **RM 138** per card Note: First (1st) year Annual Fee is WAIVED. For subsequent years, the annual fee waiver is subject to a minimum of 12 retail transactions per annum.
Cash Withdrawal Fee	Service Fee **2.0%** on withdrawn amount OR **RM 30**, whichever is higher. Actual Profit Charge Profit rate for cash withdrawal transactions shall be capped at a maximum of 1.5% per month, which is equivalent to 18% per annum.
Lost Card Replacement	**RM 50** per card (for loss due to Customer negligence)
Late Payment Compensation (Ta`widh)	**Ta`widh (Compensation):** In the event that you do not meet the minimum monthly payment payable by the due date, you will be charged **1%** of the outstanding balance (comprising retail transactions and cash withdrawals only), subject to a maximum of **RM 100.** The Ta`widh charges shall neither be compounded nor added to the outstanding amount in arrears for the computation of profit charges.
Conversion for Overseas Transaction	Exchange rate will be based on the determination by Visa at the conversion time. The exchange rate may differ from the rate in the effect on the date of transaction due to market fluctuations. 1% service fee is charged on the converted amount.
Over Limit Charges	Not Applicable
Credit Card Shield Takaful Plan	The coverage is fully borne by the Bank for all card types.
Service Tax	**RM 25** for each Card. Service Tax will be charged on the Card activation date and every subsequent anniversary of the issuance date.

- *Kindly refer to our website at www.atlasmuamalat.com.my for details of fees and charges.*
- *The fees and charges are subject to the service tax (8%) imposed under the Service Tax Act 2018 (as amended), where applicable.

The following charges are imposed under the Shariah concept of *Tawarruq*:-

Actual Profit Charges		
Transaction	**Annual rate**	**Conditions**
Retail Purchases	**15%**	Cardholders who promptly settle the minimum payment amount due for 12 consecutive months.
	17%	Cardholders who promptly settle the minimum payment amount due for 10 months or more in a 12-month cycle.
	18%	Cardholders who do not fall within the above categories.
Cash Withdrawals	**18%**	Up to 70% of the available limit. No grace period on cash withdrawals.

***Note**: Actual Profit Charges are incurred based on actual usage of the card. To enjoy a lower profit rate for retail purchases, you should make at least ten (10) prompt payments in the last twelve (12) months.*

Early Settlement (Ibra' / Rebate)

a) The Bank will grant a rebate on any unutilised profit or charges in the event of early settlement.
b) The rebate amount will be calculated based on early settlement and total payments made.
c) For floating-rate facilities, a rebate will also be given if the total actual profit payable is lower than the total ceiling profit at the end of the financing tenure.
d) Any rebate granted by the Bank is final and binding.
Note: Items (a), (b), and (d) apply to both fixed and floating-rate facilities, while item (c) applies only to floating-rate facilities, provided there is no event of default.

KNOW YOUR RISKS

What happens if you ignore your obligations?

a) You may incur additional cost due to late payment charge (i.e. 1% of the outstanding balance - compromising retail transactions and cash withdrawals only, subject to a maximum of RM100.
b) Legal action may be taken if you fail to pay after reminders.
c) The Bank may set off any outstanding amounts from your other account balances, with at least seven (7) days' notice.
d) Using the Card for unlawful or non-Shariah-compliant purposes is prohibited and may result in the suspension or cancellation of your Card.

OTHER KEY TERMS

a) Takaful Coverage: This is covered under the Credit Card Shield Takaful Plan, underwritten by Syarikat Takaful Malaysia Berhad.
b) There is no penalty imposed for early settlement for any instalment plans offered and no early settlement charges are applicable.
c) To reduce the risk of unauthorised transactions, please ensure the security of your Card and PIN at all times. Do not disclose your Card details or PIN to anyone, or record the PIN on or near the Card. Avoid selecting easily identifiable PINs, and do not permit anyone else to use your Card. Review your statements regularly and report any discrepancies to the Bank promptly.
d) You may be liable for unauthorised transactions if you have;
   - Acted fraudulently
   - Refused to cooperate with the issuer in the investigation; or
   - Failed to carry out the obligations informed by the issuer
e) If you failed to abide by the terms and conditions of your credit card-i, we have the right to terminate your card.

If you have any questions or require assistance with your ATLAS Credit Card-i, you can:

call us at:
03 – 2021 5888

Visit us at:
https://atlasmuamalat.com.my/banking/

email us at:
ask@atlasmuamalat.com.my

Customer's Acknowledgment*

Ensure you are filling this section yourself and are aware of what you are placing your signature for.

☐ I acknowledge that Bank Muamalat Malaysia Berhad has provided me with a copy of the PDS.
☐ I have read and understood the key information contained in this PDS.

**A customer's acknowledgement of this PDS shall not prejudice their rights to seek redress in the event of subsequent dispute over the product terms and conditions.*

Name:
Date:

IMPORTANT NOTE:

LEGAL ACTION MAY BE TAKEN AGAINST YOU IF YOU DO NOT KEEP UP WITH PAYMENTS OF YOUR ATLAS CREDIT CARD-i (TAWARRUQ) BALANCES.

The information provided in this product disclosure sheet is valid effective: **1st July 2026**

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,
Risalah Pendedahan Produk (RPP) ini menyediakan maklumat penting tentang **Kad Kredit-i ATLAS** anda.
Pelanggan lain telah membaca RPP ini dan mendapati ia bermanfaat, **anda juga harus membacanya**.

EN BM

Tarikh: _____

APAKAH ITU KAD KREDIT-i ATLAS?

Kad Kredit-i ATLAS ("Kad") adalah instrumen pembayaran patuh Shariah yang ditawarkan di bawah Platform ATLAS oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB). Kad ini tersedia dalam bentuk fizikal dan maya membolehkan anda membuat pembayaran bagi pembelian barangan dan / atau perkhidmatan di premis runcit dan perkhidmatan yang mengambil bahagian dengan amaun transaksi akan ditolak secara langsung daripada had kad kredit anda. Kad ini juga membolehkan pengeluaran tunai di mesin ATM tempatan dan luar negara tertakluk kepada had dan terma yang ditetapkan oleh Bank.

Produk ini distrukturkan di bawah konsep Tawarruq dan menggunakan gabungan kontrak Syariah termasuk Murabahah, Wakalah dan digabungkan dengan janji yang mengikat di bawah konsep Wa'd Mulzim.

Di bawah kontrak Wakalah, Pelanggan melantik Bank Muamalat Malaysia Berhad ("Bank") sebagai ejen dua hala untuk membeli dan menjual komoditi patuh Syariah ("Komoditi") pada masa yang ditetapkan bagi pihak Pelanggan. Bank akan membeli Komoditi daripada pembekal pada Harga Belian, dan seterusnya menjual Komoditi tersebut kepada Pelanggan pada Harga Jualan secara Murabahah (kos tambah) yang perlu dibayar secara tertangguh.

Pelanggan kemudiannya akan menjual Komoditi tersebut (melalui Bank sebagai ejen) kepada pihak ketiga secara tunai. Hasil jualan tunai ini akan dianggap sebagai had kredit (amaun pembiayaan) yang disediakan kepada Pelanggan di bawah kemudahan Kad.

Transaksi Tawarruq dilaksanakan sebelum amaun pembiayaan disalurkan kepada Pelanggan. Pelanggan boleh memohon untuk mengambil pemilikan dan penghantaran Komoditi yang dibeli, dan semua kos serta perbelanjaan berkaitan akan ditanggung sepenuhnya oleh Pelanggan. Sekiranya Pelanggan mengambil komoditi tersebut, Pelanggan tidak akan menerima jumlah pembiayaan/kad kredit.

KETAHUI TANGGUNGJAWAB ANDA

Bayaran bulanan minimum:

a) Minimum bayaran bulanan adalah **5%** daripada baki penyata tambah jumlah ansuran***** tetap, atau RM 50, mana-mana yang lebih tinggi.
*******Ansuran tetap seperti Pelan Pemindahan Baki, Pelan Bayaran Ansuran, Pelan InstaCash, atau apa-apa pelan lain yang sedia ada tertakluk kepada ketersediaan.* Pelanggan boleh merujuk kepada PDS plan pembayaran yang berkenaan untuk maklumat lanjut.
b) Sebarang pembayaran minimum yang tertunggak.
c) Pembayaran boleh dibuat melalui Pindahan segera atas talian; atau Mesin Deposit Tunai ("CDM")
d) Tempoh Tangguh: Pelanggan diberi tempoh tangguh selama 20 + 4 hari untuk transaksi runcit sahaja, dengan syarat baki tertunggak bulan sebelumnya telah diselesaikan sepenuhnya. Tempoh tangguh bermula dari tarikh pengeluaran penyata. Sebarang amaun yang diselesaikan dalam tempoh tangguh tertakluk kepada rebat (Ibra`) penuh oleh Bank. Tiada tempoh tangguh diberikan untuk Pengeluaran Tunai.
e) Pemegang kad utama akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk semua transaksi yang ditanggung oleh pemegang kad tambahan, jika ada.

Anda bertanggungjawab untuk:

Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatanganinya.

Buat bayaran sekurang-kurangnya **jumlah bayaran bulanan minimum** sebelum atau pada tarikh tamat tempoh.

Segera hubungi kami dengan segera sekiranya kad anda hilang, dicuri, transaksi yang tidak sah terjadi.

Fi & Caj*	Amaun
Fi Tahunan	**Visa Platinum** • Prinsipal: **RM 138** setiap kad Nota: Yuran Tahunan bagi Tahun Pertama adalah DIKECUALIKAN. Untuk tahun seterusnya, pengecualian yuran tahunan adalah tertakluk kepada minimum 12 transaksi runcit setahun.
Fi Pengeluaran Tunai	Fi Perkhidmatan **2.0%** daripada jumlah pengeluaran tunai ATAU **RM 30**, yang mana lebih tinggi. Caj Keuntungan Sebenar Kadar Keuntungan untuk transaksi pengeluaran tunai akan dihadkan pada maksimum 1.5% sebulan, bersamaan dengan 18% setahun.
Penggantian Kad Hilang	**RM 50** setiap kad (untuk kerugian akibat kecuaian Pelanggan)
Caj Ganti Rugi Pembayaran Lewat (Ta`widh)	**Ta`widh (Caj Ganti rugi):** Sekiranya anda tidak memenuhi bayaran bulanan minimum yang perlu dibayar pada tarikh matang pembayaran, anda akan dikenakan **1%** daripada baki tunggakan (merangkumi perbelanjaan runcit dan pengeluaran tunai sahaja), tertakluk kepada had maksimum **RM 100**. Caj Ta`widh tidak akan dikompaunkan atau ditambah kepada caj amaun tunggakan untuk pengiraan caj keuntungan.
Penukaran Transaksi Luar Negara	Kadar pertukaran akan berdasarkan penentuan Visa semasa waktu penukaran. Kadar pertukaran mungkin berbeza dari kadar yang berlaku pada tarikh transaksi disebabkan oleh turun naik pasaran. Bayaran perkhidmatan 1% dikenakan daripada jumlah yang ditukar.
Caj Lebih Had	Tidak Berkenaan
Pelan Takaful Pelindungan Kad Kredit	Perlindungan sepenuhnya ditanggung oleh Bank untuk semua jenis kad.
Cukai Perkhidmatan	**RM 25** untuk setiap Kad. Cukai Perkhidmatan akan dikenakan pada tarikh Kad diaktifkan dan pada tarikh ulang tahun pengeluaran Kad pada tahun berikutnya.

- *Sila rujuk laman sesawang kami di www.atlasmuamalat.com.my untuk maklumat lanjut berkenaan yuran dan caj.*
- * Fi dan caj adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan (8%) yang dikenakan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (sebagaimana yang dipinda), jika berkenaan.

Caj berikut dikenakan di bawah konsep *Tawarruq*:-

Caj Keuntungan Sebenar		
Urus Niaga	**Kadar Tahunan**	**Syarat-syarat**
Pembelian Runcit	**15%**	Pemegang kad yang menyelesaikan pembayaran minimum yang terhutang secara segera untuk 12 bulan berturut-turut.
	17%	Pemegang kad yang menyelesaikan pembayaran minimum yang terhutang secara segera untuk 10 bulan atau lebih dalam tempoh kitaran 12 bulan.
	18%	Pemegang kad yang tidak termasuk dalam kategori di atas.
Pengeluaran Tunai	**18%**	Sehingga 70% daripada had yang ada. Tiada tempoh tangguh untuk pengeluaran tunai.

***Nota**: Caj Keuntungan sebenar ditanggung berdasarkan nilai sebenar penggunaan kad. Untuk menikmati kadar keuntungan yang lebih rendah, untuk transaksi runcit, anda digalakkan untuk membuat sekurang-kurangnya sepuluh (10) bayaran secara segera dalam tempoh dua belas (12) bulan yang lepas.*

Penyelesaian Awal (Ibra' / Rebat)

a) Pihak Bank akan memberi Rebat ke atas sebarang keuntungan atau caj yang belum digunakan sekiranya berlaku penyelesaian awal.
b) Jumlah Rebat akan dikira berdasarkan penyelesaian awal dan jumlah pembayaran yang telah dibuat.
c) Bagi kemudahan kadar terapung, Rebat juga akan diberikan sekiranya jumlah keuntungan sebenar yang perlu dibayar adalah lebih rendah daripada jumlah keuntungan maksimum pada akhir tempoh pembiayaan.
d) Sebarang Rebat yang diberikan oleh Bank adalah muktamad dan mengikat.

Nota: Perkara (a), (b) dan (d) terpakai bagi kedua-dua kemudahan kadar tetap dan kadar terapung, manakala perkara (c) hanya terpakai bagi kemudahan kadar terapung, dengan syarat tiada kejadian default berlaku atau berterusan.

KETAHUI RISIKO ANDA

Apa yang akan berlaku sekiranya anda mengabaikan tanggungjawab anda?

a) Anda perlu membayar lebih secara keseluruhan disebabkan oleh caj lewat bayar (i.e 1% daripada baki tunggakan - merangkumi perbelanjaan runcit dan pengeluaran tunai sahaja, tertakluk kepada had maksimum RM 100)
b) Tindakan undang-undang mungkin diambil jika anda gagal membuat pembayaran selepas notis peringatan.
c) Bank berhak untuk menolak-selesai sebarang baki tertunggak daripada baki akaun anda yang lain, dengan notis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar.
d) Menggunakan Kad untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang atau bertentangan dengan Syariah adalah dilarang dan boleh menyebabkan penggantungan dan pembatalan Kad anda.

TERMA UTAMA LAIN

a) Pelan Perlindungan: Ia dilindungi oleh Pelan Takaful Perisai Kad Kredit yang diuruskan oleh Syarikat Takaful Malaysia Berhad.
b) Tiada penalti dikenakan untuk penyelesaian awal untuk apa- apa pelan ansuran dan tiada caj penyelesaian awal.
c) Untuk mengurangkan risiko transaksi tidak dibenarkan, sila pastikan keselamatan Kad dan PIN anda pada setiap masa. Jangan mendedahkan butiran Kad atau PIN kepada sesiapa, dan jangan mencatat PIN pada atau berhampiran Kad. Elakkan memilih PIN yang mudah dikenali, dan jangan benarkan sesiapa menggunakan Kad anda. Semak penyata anda dengan kerap dan laporkan sebarang percanggahan kepada Bank dengan segera.
d) Anda mungkin bertanggungjawab terhadap transaksi yang tidak dibenarkan sekiranya anda:
   - bertindak secara penipuan;
   - enggan memberikan kerjasama kepada pengeluar dalam proses siasatan; atau
   - gagal melaksanakan kewajipan yang telah dimaklumkan oleh pengeluar.
f) Sekiranya anda gagal mematuhi terma dan syarat Kad Kredit- i anda, Bank berhak untuk menamatkan Kad anda.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan Kad Kredit-i ATLAS anda, anda boleh:

Hubungi kami di:
03 – 2021 5888

Layari kami di:
https://atlasmuamalat.com.my/banking/

E-mel kami melalui:
ask@atlasmuamalat.com.my

Perakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

☐ Saya mengakui Bank Muamalat telah memberikan kepada saya salinan RPP.
☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam RPP ini.

**Perakuan Pelanggan ke atas RPP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk.*

Nama:
Tarikh:

NOTA PENTING:

TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA TIDAK MENERUSKAN PEMBAYARAN KE ATAS KAD KREDIT-i ATLAS (TAWARRUQ) ANDA.

Maklumat yang diberikan di dalam risalah pendedahan produk ini adalah sah berkuatkuasa: **01 Julai 2026**